

BAB 3

PERMASALAHAN DALAM KONTEKS PENGAJARAN TA'BIR (تَبْيَر) DI KISAS DAN FAKTOR-FAKTORNYA

3.0 PENDAHULUAN

Setelah melihat secara terperinci corak-corak pengajaran serta jenis-jenis pendekatan yang diaplikasikan di KISAS serta tahap kemampuan para pelajarnya dalam menguasai ta'bīr maka perkara yang jelas dapat dikesan oleh penulis ialah sememangnya wujud masalah-masalah tertentu dalam konteks pengajaran dan pembelajaran ta'bīr ini .

Dalam bab ini penulis akan cuba memperincikan segala permasalahan yang ada hubungkaitnya dengan pengajaran dan pembelajaran ta'bīr khususnya di KISAS di samping cuba meneliti faktor-faktornya supaya akan dapat dicari beberapa alternatif yang diharapkan dapat membantu dalam menangani masalah-masalah terbabit.

Bagi membincangkan permasalahan ini penulis mengklasifikasikannya kepada 4 kumpulan seperti berikut:-

3.1 PERMASALAHAN BERHUBUNG DENGAN GURU

Hasil penemuan soal selidik yang dibuat penulis mendapati rata-rata pelajar KISAS menyatakan bahawa guru-guru bahasa Arab mereka terdiri daripada lulusan universiti yang mahir , berpengalaman , berkualifer serta mempunyai kewibawaan sebagai seorang pendidik.

Selain daripada mampu bertutur dalam bahasa Arab dengan baik, mereka juga mempunyai daya penyampaian yang memberangsangkan dan berkesan serta mampu memberi penerangan dengan jelas di samping pandai menarik perhatian dan minat pelajar-pelajar mereka kepada mata pelajaran yang diajarkan. Mereka juga pandai berinteraksi ketika mengajar.

Pelajar dapat menyaksikan dengan jelas kesungguhan yang ditunjukkan oleh guru-guru mereka dalam proses penyampaian sesuatu maklumat di mana dalam keskes tertentu kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh sebilangan pelajar akan segera diperbetulkan di samping berusaha mendekati pelajar-pelajar tersebut, memberi perhatian kepada masalah mereka dan juga mencari jalan untuk meningkatkan daya kefasihan dan kefahaman mereka.

Guru-guru sentiasa memberi galakan kepada para pelajar supaya lebih bersungguh-sungguh dalam menimba ilmu dan seandainya mereka menghadapi

sebarang masalah berhubung dengan pelajaran atau mungkin juga masalah peribadi mereka adalah digalakkan merujuk masalah tersebut kepada guru.

Rata-rata responden mengakui bahawa sebahagian besar guru-guru mereka mengamalkan sikap bertimbang rasa, berdedikasi, baik hati , penyabar, tidak terlalu mendesak dan tidak terlalu garang ketika berinteraksi dengan mereka.

Kenyataan-kenyataan di atas diperolehi daripada sebahagian besar pelajar yang merupakan responden bagi soal selidik penulis. Daripada kenyataan tersebut ternyata bahawa pelajar pada umumnya berpuas hati dengan guru-guru mereka .

Namun begitu terdapat juga komentar sebilangan kecil pelajar mengenai masalah berhubung dengan guru mereka . Komentar ini hanya daripada sebahagian responden iaitu 21 orang pelajar KISAS . Untuk tujuan perbandingan penulis mengemukakan juga dapatan daripada kenyataan 30 orang responden Sekolah Agama Menengah Tinggi Tengku Ampuan Jemaah atau SAMTTAJ dan juga 30 orang responden Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Simpang Lima atau SMKASL berkenaan dengan beberapa masalah berhubung dengan guru mereka. Masalah tersebut boleh dilihat dalam jadual berikut :-

Jadual 4 : Komentar pelajar tentang guru .

Bil.	Kategori Masalah	Bilangan responden								
		KISAS	%	SAMT	%	SMKA	%	jumlah	%	
		TAJ	SL	Iah						
1	Guru mengajar terlalu cepat	20	36	18	27	23	28	61	30	
2	Suara kurang jelas	21	38	21	32	22	27	64	31	
3	Tidak memahami masalah pelajar yang lemah	08	15	19	29	20	24	47	23	
4	Corak pengajaran tidak stabil	06	11	08	12	18	21	32	16	
	Jumlah	55	100	66	100	83	100	204	100	

Jadual 4 menunjukkan di Kolej Islam masalah suara guru kurang jelas menjadi masalah utama pada guru-guru di sekolah itu iaitu sebanyak 38% manakala masalah guru mengajar terlalu cepat adalah sebanyak 36%. Di SAMTTAJ juga masalah suara menjadi masalah utama iaitu sebanyak 32% tetapi masalah kedua adalah guru tidak memahami masalah pelajar yang lemah .

Berlainan pula keadaannya di SMKASL di mana peratusan semua kategori adalah hampir sama , bagaimanapun peratusan tertinggi masih menjurus kepada

masalah suara (28%) dan kecepatan pengajaran guru (27%). Kesimpulannya masalah di ketiga-tiga buah sekolah berhubung dengan guru adalah hampir sama.

Menurut penulis pada umumnya masaalah berhubung dengan guru dalam pengajaran ta'bir di KISAS tidaklah begitu besar dan serius kerana adanya faktor-faktor penarik seperti yang disentuh di awal perbincangan masaalah ini. Rata-rata pelajar KISAS dapat menerima corak pengajaran yang diaplikasikan oleh guru-guru mereka khususnya dalam konteks pengajaran ta'bir serta dapat menyesuaikan diri dengan sifat-sifat dan peribadi mereka.

Namun begitu, guru sebagai seorang insan biasa sudah pasti mempunyai kekurangan pada aspek-aspek tertentu , seperti pada aspek pendekatan , peribadi atau aspek lain.

Berdasarkan temubual penulis dengan guru-guru dan juga pemerhatian penulis ketika guru-guru tersebut mengajar di dalam bilik darjah, penulis dapat membuat penilaian bahawa antara faktor timbulnya masalah-masalah ini ialah guru yang ditugaskan untuk mengajar mereka adalah guru baru yang belum mempunyai pengalaman mengajar , atau dengan kata lain guru tersebut baru bertugas setelah tamat pengajian .

Menurut guru-guru yang berkenaan, masa mengajar yang terlalu singkat menyebabkan mereka terpaksa mengejar masa dan mengajar dengan cepat , walau bagaimana pun mereka masih memberi ruang untuk pelajar bertanya.

Bilangan pelajar yang ramai iaitu lebih kurang 30 orang di samping lokasi sekolah yang terletak di tepi jalan yang sibuk menyebabkan suara guru tenggelam dan terpaksa bersaing dengan suara kenderaan yang lalu lalang.

Kestabilan fizikal , mental dan emosi seseorang guru juga turut mempengaruhi kestabilan corak pengajarannya. Sebab itu tidak hairanlah jika pelajar mendapati guru mereka mengajar dalam mood yang berbeza pada sesetengah waktu belajar.

Kesimpulannya tahap penerimaan pelajar, perbezaan lokasi pembelajaran dan faktor « mood » boleh menjadi penyumbang kepada permasalahan berhubung dengan guru.

3.2 PERMASALAHAN BERHUBUNG DENGAN PELAJAR.

Secara amnya pencapaian bahasa Arab di kalangan pelajar lepasan sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi di negara ini dirasakan belum lagi menepati matlamat pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang digariskan . Malah banyak yang berpendapat bahawa mutu bahasa Arab di kalangan mereka kian hari kian merosot .

Sungguhpun para pelajar KISAS terkenal sebagai pelajar yang mempunyai tahap kemampuan pembelajaran yang tinggi (berdasarkan keputusan peperiksaan PMR dan SPM mereka) namun penulis dapati dalam soal pembelajaran bahasa Arab mereka tidak terkecuali daripada menghadapi masalah dan kesukaran. Hal ini diakui oleh pelajar terbabit.

Jadual 5: Masalah pelajar

Bil.	Kategori masalah	Bil. responden	%
1	Kurang perbendaharaan kata	54	27
2	Tidak menguasai tatabahasa	56	28
3	Struktur ayat kurang tepat	34	17
4	Tidak tahu mengolah isi	21	10
5	Tidak ingat pola kata (wazan)	17	08
6	Tidak mampu bercakap spontan	20	10
	Jumlah	202	100

Jadual di atas menunjukkan masalah yang biasa dihadapi oleh pelajar-pelajar di Kolej Islam dalam pembelajaran mereka. Sebilangan besar iaitu 54 daripada 60 responden (27%) mengakui mereka kurang menguasai perbendaharaan kata Arab. Sebagai contoh mereka sukar untuk menemukan kalimah yang tepat dalam melancarkan kata-kata , mereka juga kurang faham petikan yang dibaca .

Dalam perbualan antara penulis dengan Zakiah , beliau menyatakan ada juga pelajar yang menghadapi masalah mereka tidak faham apa yang hendak dituturkan kerana mereka tidak tahu perkataan yang tepat.

(perbualan dengan Zakiah Radzi :10/8/1996)

Masalah tidak menguasai qawā'id (قواعد) atau tatabahasa mempunyai kadar peratusan yang lebih tinggi daripada masalah yang pertama tadi di mana seramai 56 orang (28%) menghadapi masalah ini. Misalnya mereka tidak tahu bagaimana untuk mengaplikasikan gantinama dalam ayat berikut : (لَمَّا أَسْتَأْنَدَ أَحَبَّ اللُّغَةَ الْعَرَبِيَّةَ ؟) bermaksud “ Mengapa ustazah suka bahasa Arab ? ” . Sepatutnya ia berbunyi begini : (لَمَّا أَسْتَأْنَدَ تَحْبِبَ اللُّغَةَ الْعَرَبِيَّةَ ؟) . Rentetan daripada itu pertuturan mereka menjadi kurang mantap .

Seramai 34 responden menghadapi masalah struktur ayat kurang tepat. Contohnya mereka masih terpengaruh dengan struktur ayat bahasa Melayu hingga melahirkan gaya bahasa Arab yang kemelayan dalam ayat ini (أَحَبُّ سَاعَدْلَكَ ... الْمَعْطُومُ) bermaksud « Saya mahu jadi guru » . Sepatutnya (أَحَبُّ أَنْ أَكُونَ مَعْطِمًا) .

Kenyataan di atas bertepatan dengan kenyataan Che' Pee yang mengemukakan tiga faktor kelemahan pelajar dalam bahasa Arab iaitu pelajar kurang perbendaharaan kata , tidak dapat membuat struktur ayat dengan baik dan kaedah mengajar yang kurang berkesan . (Jurnal Pendidikan Islam ,bil. 3, Dis. 1991:40)

Di antara masalah lain yang dihadapi oleh pelajar Kolej Islam ialah tidak tahu mengolah isi (10%). Contohnya apabila diminta untuk mengembangkan isi-isi penting yang telah dikemukakan oleh guru , ada pelajar yang tidak mampu mengolah dan menghuraikannya sama ada secara bertulis atau lisan.

Tidak ingat wazan (فَذَنْ) iaitu pola kata (08%) menyebabkan maksud tidak sampai pada ayat ini (..... لَمْ يَرِدْ أَنْ ...) bermaksud « Kerana saya mahu menambah ... ». Sepatutnya (لَخَيْرٌ أُرِيدُ أَنْ لَزِنْدَ...). Penguasaan pola-pola ini memang penting untuk menghasilkan klausa yang berkualiti , tetapi kesukaran untuk menguasainya boleh menyebabkan pelajar menganggap bahasa Arab sebagai suatu bahasa yang sukar untuk diselami dan difahami dan akhirnya timbul rasa bosan untuk terus mempelajarinya .

Tidak mampu bercakap spontan (10%) . Contohnya , apabila mereka diminta untuk bertutur atau menulis dalam bahasa Arab secara spontan , fikiran mereka menjadi bercelaru dan tidak tahu apa yang hendak di luahkan.

Masalah lain (berdasarkan pengalaman penulis) yang turut timbul dalam pertuturan atau ta‘bir ini ialah masalah sebutan di mana ada sesetengah responden mempunyai masalah sebutan , khususnya pelajar yang datang dari utara dan pantai timur Malaysia.

Menurut Bloomfield sesetengah bahasa mempunyai kesamaan antara satu dengan yang lain pada sesetengah ciri seperti fonem , morfem dan sebagainya . (Leonard Bloomfield,1992:341) . Raja Mukhtaruddin (1985 : 32-44) menyatakan contohnya di antara sejumlah 27 konsonan asasi dalam bahasa Melayu terdapat konsonan pinjaman dari bahasa Arab . Abdullah Hassan membawa contoh fonem /R/ dalam bahasa Melayu mempunyai variasi yang sama dengan [V] dalam bahasa Arab seperti Yaib (ghaib) . (Abdullah Hassan , Rencana Linguistik , 1992 : 53) (Abdullah Hassan,Linguistik Am Untuk Guru Bahasa Malaysia, 1992:84)

Lutfi (1992 : 56) turut membawa contoh lain iaitu dalam bahasa Melayu ada vokoid sengau (dinasalasi) seperti [ilmu] ilmu . Ia adalah contoh sesetengah kalimah yang mengandungi huruf halqī (حلقى) yang digunakan dalam bahasa Melayu di mana mereka mendengar dan menyebutnya sejak dari kecil . Menurut Mahmūd Fahmī Hijāzī , oleh kerana kuatnya pengaruh bahasa Ibunda mereka terhadap bunyi huruf ini , maka walaupun kita melatih mereka menyebut huruf ini namun mereka tetap gagal menyebutnya dengan tepat . (Majalah Pengajaran Arab ,bil.1, 1990: 36)

Berdasarkan masalah-masalah yang tersenarai di atas , penulis dapat menduga bahawa asas bahasa Arab yang kurang mantap di peringkat lebih rendah serta kurang latihan atau dengan perkataan lain latihan kemahiran yang diberikan tidak mencukupi untuk memahirkan pelajar dalam menta'bīt itu merupakan faktor pendorong utama kepada masalah-masalah ini.

Pada hakikatnya para pelajar yang masuk ke tingkatan empat di KISAS telah melalui tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun untuk mempelajari asas-asas bahasa Arab di sekolah lama mereka . Sementara pelajar yang belajar di tingkatan 6 rendah telah menempoh jangkamasa yang lebih panjang iaitu lima tahun sebelum diterima masuk untuk menyambung pelajaran mereka di Kolej Islam.

Penguasaan kalimah dengan jumlah yang besar ini sepatutnya tidak menimbulkan masalah kepada pelajar untuk mengarang atau memahami petikan bahasa Arab . Jika timbul juga maka sudah tentulah ada faktor-faktor yang menyumbang ke arah itu.

Penulis dapat katakan bahawa faktor kadar kekerapan latihan menulis dan bertutur yang diterima oleh pelajar adalah mempengaruhi kemampuan mereka dalam dua jenis kemahiran ini. Buktinya para pelajar yang datang dari sekolah yang tertentu khususnya sekolah yang memang telah terkenal dengan kemantapan asas bahasa Arab mampu bertutur dan menulis dengan baik dan berkualiti , begitu juga sebaliknya.

Sikap pelajar juga boleh menjadi salah satu faktor utama yang membawa kepada permasalahan ini. Antaranya ialah sikap tidak berminat terhadap pelajaran . Sikap seumpama ini amat merbahaya kerana ia mempunyai daya untuk mematikan segala usaha ke arah mengembangkan pelajaran bahasa Arab. Sikap ini boleh

dianggap sebagai punca bagi segala permasalahan berhubung dengan pelajar. Jika ia tidak segera diatasi maka segala usaha lain akan menjadi sia-sia.

Beralih pula kepada faktor berlakunya masalah sebutan , pada pendapat penulis faktor persekitaran turut menjadi penyumbang kepada masalah ini . Umpamanya seorang kanak-kanak yang dilahirkan dalam kalangan bangsa Melayu akan terbiasa dengan perkataan-perkataan Melayu yang mana mungkin ada di antaranya berupa perkataan pinjaman daripada bahasa Arab (seperti mana yang dibincangkan di atas tadi) . Sejak dari lahir dia telah dibiasakan dengan sebutan yang salah pada perkataan pinjaman tersebut , contohnya perkataan **جَمِيعٌ** menjadi **جُمْعَةٌ** , maka apabila usianya meningkat pun dia masih mengamalkan sebutan yang salah.

3.3 PERMASALAHAN BERHUBUNG DENGAN KADEAH PENGAJARAN

Permasalahan dalam kategori ini berkait rapat dengan permasalahan pada kenyataan 3.1. Oleh yang demikian dalam konteks pengajaran dan pembelajaran ta'bir di KISAS masalah berhubung dengan pengajaran tidaklah begitu serius.

Secara amnya menurut para responden corak penyampaian tenaga pengajar mereka adalah bersistematik. Guru-guru mereka menggunakan pelbagai pendekatan dalam proses pengajaran mereka . Contohnya sesi pembentangan , dialog , perbincangan dan soal jawab, memberi peluang kepada pelajar untuk bercakap dihadapan kelas, menyoal kembali intisari tajuk yang telah dipelajari di akhir waktu

pembelajaran. Adakalanya aktiviti pembelajaran dilakukan di luar bilik darjah seperti di perpustakaan , bilik APD , di bawah pokok (di taman) atau di tempat-tempat lain .

Apa yang penting ialah penglibatan pelajar, tetapi guru mereka tidak terlalu memaksa kerana mereka menyedari bahawa pembelajaran bahasa kedua tidak akan sama dengan pembelajaran bahasa pertama yang mana ianya diperolehi dalam keadaan semulajadi , sedangkan bahasa kedua dipelajari dalam tekanan psiko-sosio bilik darjah . Kenyataan yang sama diakui oleh Danny D. Steinberg.

(Danny D. Steinberg , 1990: 231-232)

Para responden juga tidak menafikan bahawa cara penyampaian guru-guru mereka berkenaan sesuatu topik pelajaran adalah mantap, bagus, jelas dan menarik dengan penggunaan bahasa Arab yang mudah tetapi lancar sesuai dengan tahap kemampuan pelajar . Untuk tidak membosankan , pelajar pihak guru kadang-kadang menyelitkan unsur-unsur yang melucukan dan pada waktu-waktu tertentu pelajar diberi masa untuk berehat sambil berfikir.

Memberi nota kepada pelajar adalah satu kemestian dan setiap kali selesai satu sesi pengajaran dan pembelajaran latihan atau tugas akan diberikan. Hasil kerja pelajar akan diperiksa manakala hasil tugasan akan dibentangkan dalam kelas.

Begitulah keseluruhannya cara pengajaran di KISAS, namun ada juga segelintir pelajar rupanya yang tidak berpuas hati dengan corak pengajaran tersebut di mana mereka menyatakan bahawa:-

- a) Pengajaran guru mereka kurang berkesan, tidak sesuai atau tidak dapat diterima oleh sesetengah pelajar.
- b) Mereka yang tergolong dalam golongan ini berpendapat guru mereka mengajar terlalu cepat dan tidak terperinci, kurang menarik minat mereka (membosankan) dan seterusnya mereka kurang memberi tumpuan kepada pelajaran .
- c) Kaedah yang digunakan sama saja iaitu bercakap , oleh itu mereka akhirnya kurang memberikan perhatian terhadap apa yang disampaikan oleh guru tersebut.

Faktor permasalahan , perbincangan tentang faktor ini menyentuh perkara yang sama dengan permasalahan 3.1 (hlmn. 64-68) .

3.4 PERMASALAHAN BERHUBUNG DENGAN BAHAN BANTU MENGAJAR (BBM)

Satu lagi permasalahan yang biasa dikaitkan dengan proses pengajaran ialah masalah Bahan Bantu Mengajar. Berdasarkan soal selidik, 43 orang daripada 60 responden menyatakan bahawa guru bahasa Arab mereka tidak menggunakan BBM sewaktu mengajar, manakala 17 orang lagi menyatakan sebaliknya.

Golongan kedua memberikan contoh BBM yang digunakan oleh guru mereka adalah berbentuk petikan (teks) yang difotostat daripada bahan bercetak seperti majalah, akhbar, buku dan lain-lain, nota ringkas yang disusun dalam bentuk carta ataupun bahan-bahan edaran yang berupa soalan-soalan latihan (sekiranya boleh dianggap sebagai BBM).

Jadual 6: Kekerapan penggunaan BBM (kenyataan guru)

Bil.	Kategori label	Bilangan populasi	%
1	Setiap kali	—	—
2	Selalu	03	43
3	Kadang-kadang	04	57
4	Tidak pernah	—	—
	Jumlah	07	100

Berdasarkan temubual penulis dengan tujuh orang guru yang mengajar , dapatlah disimpulkan bahawa guru-guru di Kolej Islam bukanlah tidak langsung menggunakan BBM tetapi mereka menggunakan bukan pada setiap waktu pengajaran. Mungkin ia ada kaitan dengan kesesuaian BBM itu sendiri dengan tajuk yang hendak dibincangkan . Sebab itu kita dapat kekerapannya hanya pada tahap kadang-kadang (57%) dan selalu (43%).

Menurut pemerhatian penulis andainya masa mengizinkan pelajar akan dibawa oleh guru mereka ke bilik APD (Alat Pandang Dengar) untuk menonton video versi bahasa Arab atau ke makmal bahasa untuk mendengar rakaman perbualan dalam bahasa Arab. Memang sepatutnya guru menggunakan makmal bahasa dengan efisien. Pada masa masa tertentu pula pelajar akan diarahkan untuk pergi ke perpustakaan serta memanfaatkan sumber-sumber maklumat yang terdapat di sana.

Menurut guru-guru yang mengajar pada hakikatnya BBM memang ada digunakan dalam proses pengajaran di KISAS walaupun tidak semeriah BBM yang digunakan untuk pelajar di peringkat menengah rendah seperti gambar , model dan sebagainya . Sebaliknya BBM yang digunakan lebih bersesuaian dengan peringkat umur mereka, jenis-jenis BBM yang digunakan sama seperti yang disebutkan dalam kenyataan responden di atas.

(Temu bual dengan guru-guru)

Faktor pendorong kepada penggunaan BBM ini adalah inisiatif guru-guru sendiri yang ingin menjadikan pengajaran mereka satu aktiviti yang menarik dan berkesan.

Sebahagian besar BBM adalah disediakan oleh pihak guru seperti carta , bahan edaran dan lain-lain . Ada juga yang disediakan oleh pihak pentadbir seperti makmal bahasa , bilik APD dengan segala peralatannya , perpustakaan , komputer dan sebagainya.

Namun yang menjadi kemasukan ialah berlakunya persaingan di antara 80 orang tenaga pengajar dan ratusan pelajar yang ingin menggunakan segala kemudahan ini. Dengan kata lain faktor yang membawa kepada masalah ini ialah kemudahan yang terhad menjadi rebutan ramai , ditambah lagi dengan peralatan makmal bahasa yang telah uzur sudah tentu ia mematikan keinginan para pengguna untuk menggunakannya. Sebab itu ada guru-guru yang mengambil langkah untuk menggunakan BBM yang disediakan sendiri oleh mereka.

Dari semua masalah dan faktornya di atas dapatlah penulis membuat rumusan bahawa masalah P&P bahasa Arab khususnya ta'bir berpunca daripada empat perkara iaitu guru , pelajar , kaedah pengajaran dan Bahan Bantu Mengajar.